

03 AUG 1998

Djibouti-Malaysia

DJIBOUTI MAHU KL JADI RAKAN PEMBAHARUAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon berkata, negara itu mahu mengubah persahabatannya dengan Malaysia kepada perkongsian dinamik dan menjadikan Kuala Lumpur rakan utama dalam pembaharuan ekonomi.

Beliau berkata, Malaysia dapat memenuhi keperluan negara benua Afrika itu.

"Kita percaya dalam banyak sektor ekonomi seperti telekomunikasi, pengangkutan, tenaga, perkhidmatan kewangan, pendidikan dan perlombongan, Malaysia mempunyai kapasiti untuk memenuhi keperluan negara kita," kata beliau di majlis makan malam yang dianjurkan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara malam ini.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Aptidon tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi sembilan hari.

Presiden itu yang bercakap dalam bahasa Perancis berkata, perjanjian-perjanjian yang ditandatangani hari ini antara Djibouti and Malaysia akan memudahkan dan memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara.

Sebelum itu, Aptidon menganugerahkan Agong dengan anugerah tertinggi Djibouti "Grand Dignataire de la Grande Etoile" dan sebaliknya Tuanku Ja'afar menganugerahkan beliau Darjah Kerabat Malaysia (DKM).

-- BERNAMA

NHD PR